



31 Julai 2012  
31 July 2012  
P.U. (A) 230

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2012

### *CREMATORIUM (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2012

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-  
undang  
Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Permohonan dan fi
5. Larangan terhadap pembakaran mayat
6. Masa pembakaran mayat
7. Spesifikasi keranda
8. Pelupusan abu
9. Daftar pembakaran mayat
10. Penyimpanan rekod
11. Pengecualian
12. Pembatalan
13. Kecualian

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KREMATORIUM  
(WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [P.U. (A) 142/2002], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Krematorium (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2012**.  
  
(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“krematorium” ertinya krematorium yang disediakan oleh Perbadanan di bawah subseksyen 94(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“penjaga krematorium” ertinya mana-mana orang yang telah dilantik oleh Perbadanan untuk menguruskan urusan krematorium; dan

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*].

**Permohonan dan fi**

4. (1) Tiada pembakaran mayat di krematorium boleh dibenarkan melainkan jika permohonan dibuat dalam borang sebagaimana yang disediakan oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(2) Permohonan hendaklah dibuat oleh mana-mana orang yang berikut:

- (a) waris kadim si mati;
- (b) seseorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk membuat permohonan itu oleh waris kadim si mati;
- (c) wakil peribadi yang sah bagi si mati;
- (d) mana-mana saudara yang rapat dengan si mati;
- (e) mana-mana orang yang memperoleh permit menguburkan daripada polis atau pihak berkuasa hospital;
- (f) mana-mana orang lain yang memenuhi kehendak Perbadanan berkenaan dengan sebab-sebab mengapa permohonan itu tidak dibuat oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (a) dan (b).

(3) Perbadanan boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (2) tertakluk kepada—

- (a) pembayaran sejumlah fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual; dan

- (b) apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

**Larangan terhadap pembakaran mayat**

5. (1) Tiada pembakaran mayat mana-mana si mati boleh dibenarkan di krematorium—

- (a) jika diketahui, dipercayai, atau disyaki bahawa si mati ialah seorang Islam;
- (b) jika ada keraguan sama ada si mati ialah seorang Islam;
- (c) jika diketahui bahawa si mati telah memberi apa-apa arahan atau petunjuk, sama ada secara lisan atau bertulis, supaya mayatnya tidak dibakar atau dikuburkan; atau
- (d) jika pengenalan si mati belum dapat dipastikan.

(2) Tiada pembakaran mayat mana-mana si mati boleh dibenarkan di krematorium sehingga diserahkan kepada penjaga krematorium suatu permit menguburkan yang dikeluarkan dengan sah oleh polis atau pihak berkuasa hospital berkenaan dengan si mati.

**Masa pembakaran mayat**

6. (1) Krematorium hendaklah dibuka untuk pembakaran mayat pada hari dan masa sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Perbadanan boleh dalam keadaan tertentu membenarkan pembakaran mayat dijalankan di krematorium pada bila-bila masa selain masa yang ditetapkan dalam Jadual.